

BUKA PELUANG TEROKA BIDANG FRANCAIS

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) komited menjadi penggerak utama kepada semua finalis Varsity Entrepreneurship Skills & Talents (VEST) 2017 dalam usaha meneruskan kesinambungan program itu.

Bagi membuka peluang kepada mereka untuk meneroka bidang francais, PNS mengundang 10 finalis ke Program Hala Tuju VEST 2017 pada 20 November lalu di Auditorium Tun Rahah, Menara PNS, Kuala Lumpur.

Pada program VEST 2017, Universiti Teknologi Petronas (UTP) diumumkan sebagai pemenang tempat pertama dengan idea perniagaan aplikasi dalam talian bagi mencari pekerjaan sambil secara

padanan kemahiran.

Tempat kedua pula dimenangi Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mempertandingkan model perniagaan cendol berasaskan santan sawit dan tempat ketiga disandang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan idea perniagaan perkhidmatan percetakan layan diri serta 24 jam.

Pengarah Urusan PNS, Datuk Syed Kamarulzaman Datuk Syed Zainol Khodki Shahabudin berkata, sesi hala tuju itu susulan bagi peserta untuk memastikan kesinambungan pelan bisnes mereka dapat dikembangkan.

"Pengakhiran program

VEST ini tidak bermakna proses pembelajaran tamat. Seseorang itu perlu terus menuntut ilmu supaya lebih maju dan dapat bergerak ke hadapan seiring usahawan terkemuka lain" katanya ketika sesi perkongsian hala tuju berkenaan.

Katanya, selain itu setiap kumpulan berada di bawah bimbingan satu wakil pengurusan kanan PNS bagi memastikan hala tuju setiap kumpulan dapat dicapai dan seterusnya berpeluang mengembangkan lagi pelan perniagaan dengan lebih sistematik serta interaktif.

"Barisan mentor akan memantau perkembangan pemenang dan finalis program ini serta memberikan bimbingan sewajarnya dalam usaha menjadikan mereka usahawan tempatan yang berdaya maju, berkembang serta mampu bersaing.

"Mengetahui pasti hala tuju perniagaan juga



FINALIS bersama tetamu kehormat.

penting. Antara soalan yang diutarakan adalah, di mana anda ingin berada dalam masa lima tahun lagi? Ini kerana, untuk bergelar usahawan berjaya, individu itu haruslah sentiasa berfikiran ke hadapan dan bersedia menjadi lebih baik dari usahawan sedia ada," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi Oxford Business Alumni (OBA) KL, Datuk Lee Chung Han, Ketua Pegawai Eksekutif Avana Asia, Luqman Adris,

Pengarah Bebas Bermaz Auto-Berhad dan Opensys Berhad, Datuk Abdul Manap Abdul Wahab, Pengasas Funthera, Afiq Ikhwan Abd Jalil serta Pengarah Urusan PNS, Datuk Syed Kamarulzaman Zainol Khodki Shahabudin.

Program ini juga bertujuan merealisasikan impian finalis ini untuk menyahut seruan Perdana Menteri yang mahukan mahasiswa mengubah mentaliti makan gaji kepada menyediakan

pekerjaan kepada orang lain sejajar dengan matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Terdahulu, program VEST 2017 adalah satu program pertandingan keusahawanan membabitkan 1,000 mahasiswa dari 20 institusi pengajian tinggi seluruh negara dengan 200 idea perniagaan yang mendapat kolaborasi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama PNS.

Sejak dilancar pada April lalu, semua peserta didedahkan dalam tempoh enam bulan dengan teknik terkini jualan, pemasaran, penjenamaan, dan komunikasi berkesan.

Peserta turut berpeluang mempamerkan idea perniagaan di peringkat akhir di hadapan Perdana Menteri Malam Gala VEST bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).